M. P.U. 25.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL (MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA) 2011

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-Undang Kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LESEN

3. Lesen
4. Permohonan lesen
5. Pematuhan kepada syarat lesen
6. Kuasa mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat
7. Kuasa untuk menghendaki maklumat
8. Fi tidak boleh dibayar balik
9. Bentuk lesen
10. Tempoh lesen
11. Lesen tidak boleh dipindah milik
12. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
13. Pembatalan lesen
14. Pembaharuan lesen
15. Lesen gantian

PNMB

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN AM

Undang-Undang Kecil

16. Ukuran pemuatan bilik hotel
17. Kemudahan bilik mandi dan tandas
18. Daftaran hendaklah disimpan
19. Penyakit hendaklah dilaporkan
20. Bilik hendaklah dirawat
21. Kawalan kebersihan dan struktur bangunan
22. Mengadakan tong sampah
23. Bekalan air
24. Pencegahan kebakaran
25. Bising

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

26. Kuasa masuk dan memeriksa
27. Pemeriksaan orang perempuan
28. Penyitaan
29. Tuntutan ke atas barang yang disita
30. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh dituntut
31. Tiada tanggungan ke atas kehilangan dan kerosakan

BAHAGIAN V

PENGENAAN CAJ WARISAN

32. Pengenaan caj warisan
33. Kadar caj warisan
34. Pengecualian
35. Kegagalan membayar caj warisan
36. Tindakan untuk menuntut tunggakan
37. Notis inventori

PNMB

Undang-Undang Kecil

38. Menuntut kos

39. Jualan harta

40. Penggunaan hasil jualan

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

41. Kesalahan oleh pengkhidmat atau ejen

42. Penalti

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

PNMB

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL (MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA) 2011

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2011**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 September 2011.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"caj warisan" ertinya sesuatu caj yang dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil 33;

"hotel" ertinya mana-mana premis di mana—

(a) orang-orang diberi tempat berlindung atau menginap untuk apa-apa jenis sewa atau ganjaran; atau

(b) bilik-bilik dilengkapi oleh pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus premis itu untuk kegunaan domestik bagi orang yang diberi tempat berlindung atau menginap itu; atau

(c) "*homestay*" ialah penginapan keluarga, program pelancongan yang diatur supaya pelancong dapat tinggal bersama keluarga tempatan yang berdaftar di bawah Program Homestay Malaysia di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia; atau

(d) "*kampungstay*" ialah penginapan kepada mana-mana orang di kawasan perkampungan atau di rumah tradisional yang diuruskan oleh pengusaha persendirian; atau

(e) "*townstay*" ialah penginapan kepada mana-mana orang di kawasan bandar seperti rumah teres atau rumah kediaman yang diuruskan oleh pengusaha persendirian; atau

PNMB

(f) termasuklah asrama (kecuali yang ditafsirkan di bawah perenggan 2*(cc)*) atau hotel apartment, motel, rumah tumpangan, rumah penginapan atau rumah rehat tetapi tidaklah termasuk—

(aa) mana-mana premis di mana aktiviti yang disebut dalam perenggan *(a)* dan *(b)* sedang dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan oleh mana-mana undang-undang bertulis;

(bb) mana-mana kemudahan jagaan kesihatan persendirian, pusat jagaan kanak-kanak atau pusat jagaan yang penubuhan atau pengendaliannya dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

(cc) mana-mana asrama yang ditubuhkan oleh atau bagi pihak mana-mana institusi pendidikan swasta atau institusi pendidikan tinggi swasta dan dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

(dd) mana-mana premis yang disewakan atas asas tuan tanah dan penyewa;

"hotel berlesen" ertinya hotel yang diberikan suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini, berdasarkan kadar bayaran lesen tahunan hotel seperti ditetapkan dalam Jadual Kedua;

"lesen" ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya;

"mengendalikan" ertinya mengurus, mengawal atau mengelola;

"orang" ertinya sesuatu kumpulan orang, diperbadankan atau tidak diperbadankan, sesuatu usahasama atau amanah;

"Pegawai yang diberikuasa" ertinya mana-mana pegawai Majlis;

"Pegawai Kesihatan" ertinya pegawai yang pada masa itu menjalankan kewajipan seseorang Pegawai Kesihatan sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan dan termasuklah seseorang Penolong Pegawai Kesihatan;

"Pegawai Pelesen" ertinya Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

"pemegang lesen" ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

"penghuni" ertinya orang yang menghuni hotel atau yang bertanggungjawab bagi mengurus atau mengawal premis itu sama ada untuk dirinya sendiri atau sebagai ejen seseorang lain, tetapi tidaklah termasuk menginap;

"penyakit berjangkit" ertinya apa-apa penyakit yang dinyatakan sebagai penyakit berjangkit berbahaya di bawah seksyen 2 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*]; dan

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

BAHAGIAN II

LESEN

Lesen

3. Tiada seseorang pun boleh mengendalikan sesuatu hotel di mana-mana tempat atau premis dalam kawasan Majlis tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Majlis.

Permohonan lesen

4. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat dalam borang berserta dengan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh memberikan lesen dengan atau tanpa mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

(3) Majlis boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut semasa permohonan lesen dibuat.

(4) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Majlis.

(5) Apabila permohonan itu diluluskan, Majlis hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada—

(a) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua serta lain-lain bayaran yang difikirkan patut oleh Majlis; dan

(b) apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(6) Kadar fi lesen adalah tertakluk kepada aktiviti perniagaan berdasarkan taraf bintang hotel tersebut seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Pematuhan kepada syarat lesen

5. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis.

(2) Pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat dalam perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Kuasa mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat

6. (1) Majlis boleh, dari semasa ke semasa menurut kepentingan awam untuk—

(a) mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas lesen itu; atau

(b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen itu.

(2) Pemegang lesen hendaklah diberikan suatu notis bertulis, sebelum Majlis membuat keputusan di bawah perenggan (1).

Kuasa untuk menghendaki maklumat

7. Bagi maksud menimbangkan sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen atau memperbaharui sesuatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini, Majlis boleh menghendaki pemohon memberikan apa-apa maklumat yang berkaitan sebagaimana difikirkan perlu.

Fi tidak boleh dibayar balik

8. Apa-apa fi yang telah dibayar di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dikembalikan.

Bentuk lesen

9. Semua lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis.

Tempoh lesen

10. Mana-mana lesen jika tidak dibatalkan terlebih dahulu, Majlis boleh jika difikirkan patut, mengeluarkan sesuatu lesen untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Lesen tidak boleh dipindahmilik

11. (1) Tiada lesen boleh dipindah milik tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.

(2) Setiap pindah milik lesen hendaklah dikenakan fi pada kadar 30% daripada fi lesen.

PNMB

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

12. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam hotel dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pegawai Pelesen.

(2) Pemegang lesen yang tidak mempamerkan atau mengemukakan lesen itu di bawah perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pembatalan lesen

13. (1) Majlis boleh, tanpa memberi apa-apa sebab, pada bila-bila masa membatalkan mana-mana lesen jika pemegang lesen gagal mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau syarat atau sekatan lesen itu.

(2) Mana-mana orang yang mengendalikan suatu hotel setelah lesen dibatalkan adalah melakukan suatu kesalahan.

Pembaharuan lesen

14. (1) Suatu permohonan pembaharuan lesen boleh dibuat kepada Pegawai Pelesen dengan bayaran fi sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Pegawai Pelesen boleh menghendaki pemohon memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang difikirkan perlu semasa permohonan pembaharuan lesen dibuat.

(3) Majlis boleh menolak pembaharuan sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

(4) Mana-mana pemegang lesen hendaklah menyelesaikan sebarang bayaran kepada Majlis sebelum lesen diperbaharui.

Lesen gantian

15. Jika Pegawai Pelesen berpuas hati yang apa-apa lesen yang diberikan telah hilang, cacat atau rosak, Pegawai Pelesen boleh mengeluarkan suatu lesen gantian untuk menggantikan lesen itu dengan membayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

PNMB

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN AM

Ukuran pemuatan bilik hotel

16. (1) Pada masa mengeluarkan lesen untuk sesebuah hotel, Pegawai Pelesen hendaklah memperuntukkan kepada setiap bilik dalam hotel itu suatu tiket bercetak menunjukkan jumlah orang yang boleh menghuni bilik itu.

(2) Bilangan orang hendaklah dikira berdasarkan kepada isipadu sesebuah bilik, dan dalam hal sebuah bilik tidur, ruang udara hendaklah dibenarkan seperti berikut—

(a) tidak kurang daripada 11.3 meter padu bagi setiap orang dewasa; dan

(b) 7 meter padu bagi setiap kanak-kanak di bawah umur sebelas tahun.

Dengan syarat pada pengukuran ruang udara itu, tiada ruang pada ketinggian melebihi dari 3 meter dari lantai bilik itu hendaklah diambil kira dalam pertimbangan.

(3) Pemegang lesen hendaklah menyimpan setiap tiket dan sesalinannya dipamerkan di tempat yang mudah dilihat dan tiada orang boleh melebihi jumlah yang telah ditetapkan terhadap bilik itu.

Kemudahan bilik mandi dan tandas

17. Pegawai Pelesen tidak boleh memberikan lesen untuk mengendalikan hotel jika berpuas hati bahawa hotel tersebut tidak mempunyai—

(a) kemudahan bilik mandi yang memuaskan;

(b) tandas yang mencukupi; dan

(c) struktur bangunan, pencahayaan dan peredaran udara yang baik bagi setiap bilik mandi dan tandas yang diluluskan oleh Majlis.

Daftaran hendaklah disimpan

18. Pemegang lesen hendaklah menyimpan daftar yang mendaftarkan butir-butir berikut terhadap semua tetamunya yang menggunakan bilik itu—

(a) nama, kerakyatan, umur dan jantina;

(b) tarikh masuk dan keluar;

(c) nombor kad pengenalan, pasport atau pengenalan diri yang lain, pekerjaan dan alamat kediaman; dan

(d) butir-butir lain yang diarahkan oleh Pegawai Pelesen.

PNMB

Penyakit hendaklah dilaporkan

19. (1) Pemegang lesen hendaklah melaporkan dengan serta-merta kepada Pegawai Pelesen dan Pegawai Kesihatan apabila mengetahui tentang apa-apa penyakit berjangkit yang dihidapi oleh mana-mana tetamunya.

(2) Pemegang lesen atau penghuni hendaklah memberikan bantuan yang diperlukan oleh Pegawai Pelesen dan Pegawai Kesihatan berkaitan kesihatan selepas pengesahan penyakit berjangkit di hotel tersebut, termasuklah arahan untuk kuarantin atau perpindahan.

Bilik hendaklah dirawat

20. Pemegang lesen tidak boleh membenarkan mana-mana orang untuk menghuni mana-mana bilik yang tidak dibasmi kuman sepenuhnya sehingga Pegawai Pelesen berpuas hati.

Kawalan kebersihan dan struktur hotel

21. (1) Suatu hotel hendaklah berada dalam keadaan bersih pada setiap masa.

(2) Semua ruang tangga termasuklah tangga kecemasan hendaklah pada setiap masa mempunyai pencahayaan, peredaran udara yang cukup dan tangga dipasang dengan pemegang.

(3) Pada bila-bila masa yang sesuai, Pegawai Pelesen boleh mengarahkan hotel atau sebahagian daripadanya ditutup buat sementara untuk kerja pembersihan warna atau kapur, mengecat atau apa-apa jua pengubahsuaian struktur yang difikirkan perlu oleh Pegawai Pelesen.

Mengadakan tong sampah

22. (1) Setiap pemegang lesen hendaklah mengadakan tong sampah atau bekas sampah yang mencukupi di premisnya.

(2) Semua sampah hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik atau bekas lain yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah atau bekas sampah.

(3) Semua sampah dalam tong sampah atau bekas sampah hendaklah dibuang menurut cara yang sebagaimana diarahkan oleh Pegawai Pelesen dari semasa ke semasa.

Bekalan air

23. Bekalan air yang tetap dan mencukupi hendaklah disediakan pada setiap masa di mana-mana hotel berlesen dan semua pili air hendaklah disambung terus ke paip air utama dari bekalan air awam.

PNMB

Pencegahan kebakaran

24. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

(a) kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik;

(b) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik; dan

(c) semua tangga, laluan pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang.

Bising

25. Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan bising yang akan menjadi kacau ganggu.

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

Kuasa masuk dan memeriksa

26. (1) Mana-mana Pegawai Pelesen boleh pada setiap masa yang munasabah, dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi—

(a) memasuki mana-mana premis; dan

(b) menjalankan apa-apa pemeriksaan atau penyiasatan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pemeriksaan orang perempuan

27. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah Undang-Undang Kecil 26 kecuali oleh seorang Pegawai Pelesen perempuan dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan pematuhan ketat kepada kesopanan.

Penyitaan

28. Mana-mana Pegawai Pelesen yang menjalankan kuasa di bawah Undang-Undang Kecil 26, boleh menyita dan memindahkan apa-apa barang yang dipercayai dengan munasabah mempunyai kaitan atau pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat lesen.

PNMB

Tuntutan ke atas barang yang disita

29. Mana-mana orang yang menuntut barang yang disita di bawah Undang-Undang Kecil 28, boleh menuntut barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh 14 hari dari tarikh sitaan barang tersebut dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen dan tertakluk kepada apa-apa pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Dengan syarat bahawa sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang telah dipindah dan disita dalam tempoh 14 hari, Pegawai Pelesen boleh melupuskan barang itu dengan cara yang difikirkan patut olehnya.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh dituntut

30. Tiada seorang pun boleh menuntut apa-apa kos atau ganti rugi terhadap tindakan yang dibuat di bawah Undang-Undang Kecil 28.

Tiada tanggungan ke atas kehilangan dan kerosakan

31. Majlis atau mana-mana Pegawai yang diberi kuasa menguatkuasakan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini tidak bertanggungan terhadap apa-apa kerosakan atau kehilangan yang berlaku akibat dari tindakan penguatkuasaan.

BAHAGIAN V

CAJ WARISAN

Pengenaan caj warisan

32. Caj warisan hendaklah dikenakan dan dibayar oleh pemegang lesen kepada Majlis menurut Undang-Undang Kecil ini.

Kadar caj warisan

33. (1) Caj warisan hendaklah lima peratus (5%) dari harga setiap bilik yang disewa atau dihuni.

(2) Caj warisan hendaklah dibayar kepada Majlis pada setiap dua bulan kalendar. Jika caj warisan tidak dibayar pada atau sebelum 28 haribulan bulan berikutnya, jumlah wang itu hendaklah disifatkan sebagai suatu tunggakan.

(3) Majlis dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa mengubah atau meminda kadar caj warisan di bawah perenggan (1).

Pengecualian

34. Majlis dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri boleh mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada membayar caj warisan.

P.N.M.B.

Kegagalan membayar caj warisan

35. Jika mana-mana caj warisan yang genap masanya kena dibayar di bawah Undang-Undang Kecil 33 tidak dibayar, ianya boleh dituntut di bawah Undang-Undang Kecil 36.

Tindakan untuk menuntut tunggakan

36. (1) Majlis hendaklah mengeluarkan suatu notis kepada pemegang lesen yang bertanggungan membayar tunggakan tersebut, meminta supaya membayar tunggakan itu dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis itu disampaikan atau suatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Majlis.

(2) Untuk menuntut sesuatu tunggakan, Majlis boleh mengeluarkan suatu waran tahanan dalam Borang A dalam Jadual Keempat dan boleh menyita menurut waran tahanan apa-apa harta alih yang dijumpai di hotel mengenainya tunggakan itu kena dibayar.

(3) Fi yang kena dibayar bagi waran tahanan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

(4) Waran tahanan hendaklah dilaksanakan oleh Pegawai Pelesen yang hendaklah membuat suatu inventori mengenai harta yang ditahan di bawah waran tahanan tersebut.

Notis inventori

37. (1) Jika apa-apa harta alih yang disita di bawah waran tahanan, suatu notis inventori dalam Borang B dalam Jadual Keenam hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen, menghendakinya membayar tunggakan itu dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh notis itu disampaikan.

(2) Notis inventori hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen atau ditampalkan di suatu tempat yang mudah dilihat di hotel di mana harta itu disita.

Menuntut kos

38. Semua kos bagi apa-apa tindakan untuk menuntut tunggakan atau apa-apa perbelanjaan boleh dituntut seolah-olah kos itu menjadi sebahagian daripada tunggakan.

Jualan harta

39. (1) Harta alih yang disita di bawah waran tahanan hendaklah dijual melalui lelongan awam jika tunggakan tidak dibayar selepas tamat tempoh yang ditetapkan.

(2) Jika harta yang disita itu adalah dari jenis mudah rosak atau jika belanja bagi menyimpannya akan melebihi nilainya, harta itu dijual dengan serta-merta dengan cara yang difikirkan patut oleh Majlis.

Penggunaan hasil jualan

40. Hasil jualan hendaklah digunakan bagi menjelaskan tunggakan dan kos, dan lebihannya, jika ada, hendaklah dibayar kepada pemegang lesen yang memiliki harta itu pada masa harta itu ditahan.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Kesalahan oleh pengkhidmat atau ejen

41. Jika sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan oleh mana-mana pengkhidmat atau ejen mana-mana pemegang lesen, atau oleh mana-mana pengkhidmat atau ejen pemunya atau penghuni sesuatu hotel yang tidak berlesen, pemegang lesen, pemunya atau penghuni itu hendaklah disifatkan telah juga melakukan kesalahan itu melainkan jika, setelah mengambil kira segala hal keadaan, dia membuktikan—

(a) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, keizinan atau ketinggalannya; dan

(b) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

Penalti

42. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau syarat atau sekatan lesen adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

JADUAL PERTAMA

FI PEMPROSESAN LESEN

[Undang-Undang Kecil 4(4)]

Fi pemprosesan lesen	:	RM10.00

FI PENGGANTIAN LESEN

[Undang-Undang Kecil 15]

Fi bagi penggantian lesen	:	RM20.00

PMB

JADUAL KEDUA

KADAR BAYARAN LESEN

[Undang-Undang Kecil 4(6)]

1. Hotel 5 Bintang dan Hotel Apartment 5 Bintang

Jumlah Bilik	*Bayaran Lesen Setahun* (RM)
Kurang daripada 10 bilik	350
11 hingga 20 bilik	700
21 hingga 40 bilik	1,400
41 hingga 60 bilik	2,100
61 hingga 80 bilik	2,800
81 hingga 100 bilik	3,500
101 hingga 150 bilik	4,050
151 hingga 200 bilik	5,400
201 hingga 250 bilik	6,750
251 hingga 300 bilik	8,100
301 hingga 350 bilik	9,450
351 hingga 400 bilik	10,800
401 to hingga 500 bilik	13,500
Tiap tambahan 10 bilik	200

2. Hotel 4 Bintang dan Hotel Apartment 4 Bintang

Jumlah Bilik	*Bayaran Lesen Setahun* (RM)
Kurang daripada 10 bilik	300
11 hingga 20 bilik	600
21 hingga 40 bilik	1,200
41 hingga 60 bilik	1,800

PNMB

Jumlah Bilik	*Bayaran Lesen Setahun* (RM)
61 hingga 80 bilik	2,400
81 hingga 100 bilik	3,000
101 hingga 150 bilik	3,450
151 hingga 200 bilik	4,600
201 hingga 250 bilik	5,750
251 hingga 300 bilik	6,900
301 hingga 350 bilik	8,050
351 hingga 400 bilik	9,200
401 hingga 500 bilik	11,500
Tiap tambahan 10 bilik	200

3. Hotel 3 Bintang dan Hotel Apartment 3 Bintang

Jumlah Bilik	*Bayaran Lesen Setahun* (RM)
Kurang daripada 10 bilik	250
11 hingga 20 bilik	500
21 hingga 40 bilik	1,000
41 hingga 60 bilik	1,500
61 hingga 80 bilik	2,000
81 hingga 100 bilik	2,500
101 hingga 150 bilik	3,000
151 hingga 200 bilik	4,000
201 hingga 250 bilik	5,000
251 hingga 300 bilik	6,000
Tiap tambahan 10 bilik	150

PNMB

4. Hotel 1 & 2 Bintang dan 1 hingga 3 Orkid

Jumlah Bilik	*Bayaran Lesen Setahun* (RM)
Kurang daripada 10 bilik	200
11 hingga 20 bilik	400
21 hingga 40 bilik	800
41 hingga 60 bilik	1,200
61 hingga 80 bilik	1,600
81 hingga 100 bilik	2,000
101 hingga 150 bilik	2,250
151 hingga 200 bilik	3,000
Tiap tambahan 10 bilik	150

5.	"*homestay*"	150 per unit
6.	"*kampungstay*"	150 per unit
7.	"*townstay*"	150 per unit
8.	lain-lain hotel yang tidak dimasukkan di dalam Undang-Undang Kecil ini	150 per unit

PNMB

JADUAL KETIGA

FI MEMINDAHKAN DAN MENYIMPAN

[Undang-Undang Kecil 29]

(a) Memindahkan	:	Tidak kurang daripada RM1,000.00
(b) Menyimpan	:	RM100.00 sehari

JADUAL KEEMPAT

BORANG A

WARAN TAHANAN

[Undang-Undang Kecil 36(2)]

No. Siri: .....

Kepada

.....

.....

Nama Pemegang Lesen.....

di alamat.....

.....

Bahawasanya melalui suatu notis bertarikh pada ..... pemegang lesen dikehendaki membayar kepada Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya tunggakan caj warisan yang masih belum dibayar seperti butiran di bawah.

Kamu diarahkan supaya menahan harta alih yang terdapat di hotel tersebut melainkan wang berjumlah RM ..... (Ringgit Malaysia : .....) sebagai tunggakan caj warisan dan fi waran tahanan RM ..... (Ringgit Malaysia : .....) dibayar.

Kamu diarahkan selanjutnya supaya menghantar balik waran ini pada atau sebelum ..... bersama dengan suatu catatan memperakui tarikh dan cara bagaimana waran ini telah dilaksanakan atau mengapa waran ini tidak dilaksanakan.

BUTIRAN TUNGGAKAN CAJ WARISAN DAN FI WARAN TAHANAN

Butiran	Tempoh	RM	Sen
Jumlah Tunggakan			
Fi Waran Tahanan			
Jumlah			

Bertarikh .....

.....
Pegawai Pelesen
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

P.N.M.B

JADUAL KELIMA

FI WARAN TAHANAN

[Undang-Undang Kecil 36(3)]

(1) Jumlah Tunggakan	(2) Fi Notis Tuntutan (RM)
RM1,000.00 ke bawah	20.00
Melebihi RM1,000.00 tetapi tidak melebihi RM2,000.00	40.00
Melebihi RM2,000.00 tetapi tidak melebihi RM3,000.00	60.00
Melebihi RM3,000.00 tetapi tidak melebihi RM4,000.00	80.00
Melebihi RM4,000.00 tetapi tidak melebihi RM5,000.00	100.00
Selepas daripada itu setiap RM1,000.00 atau apa-apa bahagian daripadanya	20.00

PNMB

JADUAL KEENAM

BORANG B

NOTIS INVENTORI

[Undang-Undang Kecil 37(1)]

No. Siri :.....

Kepada:

.....

di alamat.....

.....

Sila ambil perhatian bahawa pada hari ini saya telah menahan harta alih yang dinyatakan dalam inventori yang tersebut di bawah kerana jumlah wang sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia: .....) sebagai tunggakan caj warisan dan fi waran tahanan yang boleh dituntut di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Kegagalan tuan untuk menjelaskan jumlah tersebut dalam tempoh 7 hari dari tarikh notis ini, Majlis akan menjual harta alih tersebut melalui lelongan awam.

INVENTORI

Bil.	Perihal Harta	Bilangan Barang/Unit

BUTIRAN TUNGGAKAN CAJ WARISAN DAN FI WARAN TAHANAN

Butiran	RM	Sen
Jumlah Tunggakan		
Fi Waran Tahanan		
Lain-lain kos		
Jumlah		

Bertarikh .....

Pegawai yang diberikuasa

.....

Tandatangan Pemegang Lesen : .....
Nama : .....
No. K/P : .....
Jawatan : .....

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dalam Mesyuaratnya pada 11 Januari 2010
[MPHTJ/BPU/02/0002/0017; PUNM. 700-02/6 Jilid 5]

SAPIAH BINTI HAJI HARON
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 17 Ogos 2011
[MMKN. 25/2011]

MARIAM BINTI ILIAS
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Melaka

PNMB

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

HOTELS (HANG TUAH JAYA MUNICIPAL COUNCIL)
BY-LAWS 2011

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-Laws

1. Citation, commencement and application
2. Interpretation

PART II

LICENCE

3. Licence
4. Application for licence
5. Compliance of licence conditions
6. Power to impose additional conditions, amendment or to revoke the conditions
7. Power to obtain information
8. Fee is non-refundable
9. Form of licence
10. Duration of licence
11. Licence not transferable
12. Licence to be exhibited and produced
13. Revocation of licence
14. Renewal of licence
15. Replacement of licence

PART III

GENERAL PROVISIONS

16. Scale of accommodation of rooms in hotel
17. Bathing and latrine facilities

PNMB

By-Laws

18. Register to be kept
19. Diseases to be reported
20. Rooms to be disinfected
21. Sanitation and structure of the premises
22. Provision of refuse bins
23. Water supply
24. Fire prevention
25. Noise

PART IV

ENFORCEMENT

26. Power to enter and inspect
27. Search of female person
28. Seizure
29. Claims of seized things
30. No cost or damages arising from seizure to be recoverable
31. No liability on the losses and damages

PART V

HERITAGE CHARGE

32. Imposition of heritage charge
33. Rate of heritage charge
34. Exemption
35. Failure to pay the heritage charge
36. Proceedings for recovery of an arrear
37. Notice of inventory
38. Recovery of cost
39. Sale of property
40. Usage of proceeds of sale

PNMB

PART VI

MISCELLANEOUS

By-Laws
41. Offence by servant or agent
42. Penalty
FIRST SCHEDULE
SECOND SCHEDULE
THIRD SCHEDULE
FOURTH SCHEDULE
FIFTH SCHEDULE
SIXTH SCHEDULE

PNMB

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

HOTELS (HANG TUAH JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2011

IN exercise of the powers conferred under sections 102 and 102A of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Hang Tuah Jaya Municipal Council hereby makes and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

Citation, commencement and application

1. (1) These by-laws may be cited as the **Hotels (Hang Tuah Jaya Municipal Council) By-Laws 2011**.

(2) These By-Laws shall come into force on 1st September 2011.

(3) These By-Laws shall apply only to the area administered by the Hang Tuah Jaya Municipal Council.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

"heritage charge" means a charge imposed under By-Laws 33;

"hotel" means any premises where—

(a) persons who are harboured or lodged for rent or reward of any kind; or

(b) rooms furnished by the owner, lessee, principal tenant, occupier or manager of such premises for the domestic use of the persons so harboured or lodged; or

(c) homestay is family accommodation, tour programmes arranged so that tourists can stay with local families who are registered under the Homestay Programme under the Ministry of Tourism Malaysia; or

(d) kampungstay is accommodation for any person in rural area or the traditional houses which managed by private operators; or

(e) townstay is accommodation for any person in urban area such as terraced house or homes which manage by private operates; or

(f) inclusive of hostel (except as defined under paragraph 2*(cc)*) or hotel, apartment, motel, boarding house, inn or guest house but does not include—

(aa) any premises on which the activities mentioned in paragraphs *(a)* and *(b)* are being carried on by or on behalf of the Federal Government or the Government of any State or any statutory body established by any writen law;

PNMB

(bb) any private health care facility, child care centre or care centre where the establishment or its operation is controlled or regulated under any written law;

(cc) any hostel established by or on behalf of any private educational institution or private higher educational institution and controlled or regulated under any other written law; and

(dd) any premises let out on landlord and tenant basis.

"licenced hotel" means a hotel that is given a licence under these By-Laws, according to the licence fee rate stated under Second Schedule;

"licence" means licence granted under these By-Laws;

"Council" means the Hang Tuah Jaya Municipal Council;

"operate" means to manage, control or organise;

"person" means a body of persons, corporate or unincorporated, a joint venture or trust;

"Health Officer" means the officer for the time being performing the duties of a Health Officer to a Local Authority and includes an Assistant Health Officer;

"Licencing Officer" means the President or any Council officer authorised in writing by the President;

"authorised officer" means any Council Officer;

"licencee" means any person who has been issued a licence under these By-Laws;

"occupier" means the person in occupation of the premises, or having the charge management or control of the premise either on his own account or as an agent of another person, but does not include lodger;

"infectious disease" means any diseases specified as a dangerous infectious diseased under section 2 of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [*Act 342*]; and

"President" means the President of the Hang Tuah Jaya Municipal Council.

PART II
LICENCE

Licence

3. No person shall operate a hotel at any place or premise in the local area of the Council without a licence issued by the Council.

PNMB

Application for licence

4. (1) An application for a licence shall be made in such form together with any documents or information as determined by the Council.

(2) The Council may issue the licence with or without any condition as the Council thinks fit.

(3) The Council may direct an applicant to attend in person or in the case of a corporation or firm, by a director, employee or any person authorised by the corporation or firm at the time of the issuance of the licence.

(4) The applicant shall pay a processing fee as prescribed in the First Schedule upon submission of the application and it is non-refundable whether the application is approved or disapproved by the Council.

(5) Upon approval of the application, the Council shall issue a licence subject to—

(a) payment of any fee as set out in the Second Schedule and any other payment as the Council thinks fit; and

(b) any condition or restriction as may be imposed by the Council from time to time.

(6) The licence fee rate is subject to the activities of business according to the star rating of the hotel as stipulated in the Second Schedule.

Compliance of licence conditions

5. (1) The licencee shall comply any condition imposed by the Council.

(2) The licencee who breach any of the condition stated in paragraph (1) is committed an offence.

Power to impose additional conditions, vary or revoke the conditions

6. (1) The Council may, from time to time for the public interest to—

(a) impose any additional conditions on the licence; or

(b) vary or revoke any conditions impose on the licence.

(2) The licencee shall be given a notice in writing, before the Council make a decision under paragraph (1).

Power to obtain information

7. The Council may request the applicant to give any information which is relevant as it deems fit for the purpose to consider any licence application or renewal of licence under these By-Laws.

P N M B

Fee is non-refundable

8. Any fee paid under these By-Laws is non-refundable.

Form of licence

9. All licence issued under these By-Laws shall be in such form as determined by the Council.

Duration of licence

10. Any licence unless sooner cancelled, the Council may if it thinks fit, issued a licence for a period not exceeding three years.

Licence not transferable

11. (1) No licence shall be transferred without written approval of the Council.

(2) Every transfer of licence shall be imposed fee at a rate of 30% from the licence fee.

Licence to be exhibited and produced

12. (1) A licencee shall exhibit his licence at all times at a conspicuous place in his hotel and shall produce such licence when required to do so by the Licencing Officer.

(2) A licencee who fails to exhibit or produce his licence under paragraph (1) commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding five hundred ringgit or imprisonment for a term not exceeding six months or both.

Revocation of licence

13. (1) The Council may, without giving any reason, at any time revoke any licence if the licencee fails to comply with any provisions of these By-Laws or any conditions or restriction of the licence.

(2) Any persons who operate any hotel after the revocation of licence commits an offence.

Renewal of licence

14. (1) An application for renewal of licence can be made to the Licencing Officer upon payment of fee as prescribed in the Second Schedule.

P.N.M.B

(2) The Licencing Officer may request the applicant to submit any additional document or information which is deemed necessary at the time of submission of the application for renewal of licence is made.

(3) The Council may refuse to renew the licence without giving any reason.

(4) The licencee shall settle any payment to the Council before a licence is renewed.

Replacement of licence

15. Where the Licencing Officer is satisfied that any licence granted has been lost, defaced or damaged, the Licencing Officer may issue a replacement licence in place thereof on payment of a fee as prescribed in the First Schedule.

PART III

GENERAL PROVISIONS

Scale of accommodation of rooms in hotel

16. (1) At the time of issuing any licence for a hotel, the Licencing Officer shall assigned to every room in such hotel a printed ticket showing the number of persons who may accommodated such room.

(2) The number of persons shall be calculated according to the cubic capacity of the rooms, and in the case of a sleeping room, the air space shall be as follows—

(a) not less than 11.3 cubic metres for each adult; and

(b) 7 cubic metres for each child under eleven years of age.

Provided that in measuring such air space, no space on the height of more than 3 metres from the floor of such room shall be taken into consideration.

(3) The licencee shall keep every ticket and display a copy of it in a conspicuous place and no person in access as assigned to any room shall be accommodated herein.

Bathing and latrine facilities

17. The Licencing Officer shall not grant a licence to operate a hotel if he is not satisfied that the hotel has no—

(a) proper accommodation of bathroom;

(b) sufficient number of latrine; and

(c) proper construction, lighting and ventilation for every bathroom latrine shall be as approved by the Council.

Register to be kept

18. The licencee shall keep a register in which shall be registered the following particulars of all guests—

(a) name, nationality, age and sex;

(b) date of arrival and departure;

(c) identity card number, passport or any other form of identification, occupation and residental address; and

(d) any other particulars as directed by the Licencing Officer.

Diseases to be reported

19. (1) The licencee shall immediately report to the Licencing Officer and the Health Offficer upon discovery of any infectious diseases suffered by any of its guests.

(2) The licencee or its occupier shall give assistance as required by the Licencing Officer and Health Officer upon confirmation of the discovery of such infectious disease in the hotel, including the order for quarantine or evacuation.

Rooms to be disinfected

20. The licencee shall not permit any person to occupy any room which has not been thoroughly disinfected until the Licencing Officer is satisfied.

Sanitation and structure of the hotel

21. (1) A hotel shall be kept in a clean condition at all times.

(2) All staircases including the emergency exits staircases shall at all time are well lighted, ventilated and provided with stair rails.

(3) At any suitable time, the Licencing Officer may direct such hotel or such part thereof to be temporarily closed for lime or colour cleansing, painting or any structural alterations which may be considered necessary by the Licencing Officer.

Provision of refuse bins

22. (1) Every licencee shall provide adequate refuse bins or receptacles in his premise.

(2) All waste shall be placed in plastic bag or other suitable containers before they are deposited in refuse bins or receptacles.

PNMB

(3) All waste in refuse bins or receptacles shall be disposed of in such manner as may be directed by the Licencing Officer from time to time.

Water supply

23. Sufficient and fixed water supply shall be provided at all times at any licenced hotel and all taps shall be connected directly to the main pipe from the public water supply.

Fire prevention

24. A licencee shall ensure that—

(a) sufficient fire prevention facilities is provided, managed and functioning well;

(b) all stairs, pathway, platform and exit way is adequately provided, managed and functioning well; and

(c) all stairs, pathway, platform and exit way free from any obstruction and each door inside is built and attached in such way that it is easily open.

Noise

25. The licencee shall not create or cause noise as to be a nuisance.

PART IV

ENFORCEMENT

Power to enter and inspect

26. Any Licencing Officer may at all reasonable time, for the purpose of ascertaining whether the conditions or restrictions of a licence or the provision of these By-Laws are being complied with—

(a) enter any premises; and

(b) carry out any inspection or investigation under these By-Laws.

Search of female person

27. No female person shall be searched under By-Laws 26 except by a female Licencing Officer and such search shall be conducted with strict compliance to decency.

PNMB

Seizure

28. Any Licencing Officer exercising powers under By-Laws 26, may seize and remove any things which he reasonably believes to have a bearing on or contravenes any provision of these By-Laws or any conditions of the licence.

Claims of seized things

29. Any person who claims anything seized under By-Laws 28, may claim such things from the Council within 14 days from the date of such things being seized and subject to any conditions imposed by the Licencing Officer and subject to any payment of fee as prescribed in the Third Schedule.

Provided that in the event of there being no claim made to any of the things that have been removed and seized within 14 days, the Licencing Officer may dispose of the said things in such manner as he may thinks fit.

No cost or damages arising from seizure to be recoverable

30. No person shall be entitled to any cost or damages of such action made under By-Laws 28.

No liability on the losses and damages

31. The Council or any authorised officers enforcing any provision of the By-Laws shall not be liable to any damages or losses due to the enforcement proceeding.

PNMB

Part V

HERITAGE CHARGE

Imposition of heritage charge

32. Heritage charge shall be charged and paid by the licencee to the Council under these By-Laws.

Rate of heritage charge

33. (1) The heritage charge shall be five per cent (5%) of the room rates for every room rented or occupied.

(2) The heritage charge shall be paid to the Council for every two calendar months. If the heritage charge is not paid on or before 28th day of the following month, it shall be deemed an arrear.

(3) The Council with the approval of the State Authority may from time to time vary or amend the rate of heritage charge as under paragraph (1).

Exemption

34. The Council with the approval of the State Authority may exempt any licencee from paying the heritage charge.

Failure to pay the heritage charge

35. If any heritage charge due and payable remains unpaid under By-Laws 33, it may be recovered as provided under By-Laws 36.

Proceedings for recovery of an arrear

36. (1) The Council shall issue a notice to the licencee who is liable to pay the arrear, requiring him to pay the said arrear within the period of fourteen (14) days from the date of service of the notice or such extended period as the Council may allow.

(2) For the recovery of an arrears the Council may issue a warrant of attachment in Form A of the Fourth Schedule and may seize under the warrant of attachment any movable property, which is found at the hotel in respect of which the arrears is due.

(3) The fees payable for the warrant of attachment is as described in the Fifth Schedule.

(4) The warrant of attachment shall be executed by the Licencing Officer who shall make an inventory of the property attached under the said warrant of attachment.

Notice of inventory

37. (1) If any moveable property is seized under the warrant of attachment, the notice of inventory in Form B of the Sixth Schedule shall be served to the licencee, requiring him to pay the arrears within the period of seven (7) days from the date of service of the notice.

(2) Notice of inventory shall be served to the licencee or affix on some conspicuous part of the hotel which the property was seized.

Recovery of cost

38. All cost of any proceeding for the recovery of arrears or any other expenses may be recovered as if they formed part of such arrears.

P N M B

Sale of property

39. (1) Movable property which is seized under the warrant of attachment shall be sold by public auction if the arrears is not paid after the expiration of the specified period.

(2) If the property seized is of perishable nature or if the costs of keeping it in custody will exceed its value, it may be sold at once in such manner thinks fit by the Council.

Usage of proceeds of sale

40. The proceeds of sale shall be applied in satisfaction of the arrears and costs and the surplus, if any, shall be paid to the licencee in possession of the property at the time of attachment.

PART VI

MISCELLANEOUS

Offence by servant or agent

41. Where an offence under these By-Laws has been committed by a servant or agent of any licencee or by any servant or agent of the owner or occupier of an unlicenced hotel, the licencee, owner or occupier shall be deemed to have also committed that offence unless, having regard to all the circumstances, he proves—

(a) that the offence was committed without his knowledge, consent or omission; and

(b) that he had taken all reasonable precautions and had exercised due diligence to prevent the commission of the offence.

Penalty

42. Any person who contravenes any provisions of these By-Laws or conditions or restrictions of the licence commits of an offence and shall, on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding one year or both.

FIRST SCHEDULE

PROCESSING OF LICENCE FEE

[By-Laws 4(4)]

Processing of licence fee	:	RM10.00

PNMB

REPLACEMENT OF LICENCE FEE

[By-Laws 15]

Replacement of licence fee : RM20.00

SECOND SCHEDULE

YEARLY LICENCE FEE RATE

[By-Laws 4(6)]

1. 5 Star Hotels and 5 Star Apartment Hotels

Number of Rooms	*Licence Fee Per Annum* (RM)
Less than 10 rooms	350
11 to 20 rooms	700
21 to 40 rooms	1,400
41 to 60 rooms	2,100
61 to 80 rooms	2,800
81 to 100 rooms	3,500
101 to 150 rooms	4,050
151 to 200 rooms	5,400
201 to 250 rooms	6,750
251 to 300 rooms	8,100
301 to 350 rooms	9,450
351 to 400 rooms	10,800
401 to 500 rooms	13,500
every additional 10 rooms	200

2. 4 Star Hotels and 4 Star Apartment Hotels

Number of Rooms	*Licence Fee Per Annum* (RM)
Less than 10 rooms	300
11 to 20 rooms	600
21 to 40 rooms	1,200

P N M B

Number of Rooms	*Licence Fee Per Annum* (RM)
41 to 60 rooms	1,800
61 to 80 rooms	2,400
81 to 100 rooms	3,000
101 to 150 rooms	3,450
151 to 200 rooms	4,600
201 to 250 rooms	5,750
251 to 300 rooms	6,900
301 to 350 rooms	8,050
351 to 400 rooms	9,200
401 to 500 rooms	11,500
every additional 10 rooms	200

3. 3 Star Hotels and 3 Star Apartment Hotels

Number of Rooms	*Licence Fee Per Annum* (RM)
Less than 10 rooms	250
11 to 20 rooms	500
21 to 40 rooms	1,000
41 to 60 rooms	1,500
61 to 80 rooms	2,000
81 to 100 rooms	2,500
101 to 150 rooms	3,000
151 to 200 rooms	4,000
201 to 250 rooms	5,000
251 to 300 rooms	6,000
every additional 10 rooms	150

PNMB

4. 1 & 2 Star Hotels and 1 to 3 Orchids

Number of Rooms	*Licence Fee Per Annum* (RM)
Less than 10 rooms	200
11 to 20 rooms	400
21 to 40 rooms	800
41 to 60 rooms	1,200
61 to 80 rooms	1,600
81 to 100 rooms	2,000
101 to 150 rooms	2,250
151 to 200 rooms	3,000
every additional 10 rooms	150

5.	homestay	150 per unit
6.	kampungstay	150 per unit
7.	townstay	150 per unit
8.	any other hotel not included in these By-Laws	150 per unit

PNMB

THIRD SCHEDULE

REMOVAL AND STORAGE FEE

[By-Laws 29]

(a)	Removal	:	Not less than RM1,000.00
(b)	Storage	:	RM100.00 per day

FOURTH SCHEDULE

FORM A

WARRANT OF ATTACHMENT

[By-Laws 36(2)]

Serial No.: .....

To:

.....

.....

Name of Licencee ..... at

.....

Whereas by the notice dated on ..... the licencee is required to pay to Hang Tuah Jaya Municipal Council an arrears of heritage charge that has not been paid as detailed below.

You are directed to attach the movable property which found at the said hotel unless the said sum RM..... (Ringgit Malaysia .....) as arrears of heritage charge and warrant of attachment fee RM..... (Ringgit Malaysia.....) is paid.

You are further directed to return this warrant on or before the ..... with an endorsement certifying the date and manner in which warrant has been executed or why the warrant has not been executed.

DETAILS OF ARREARS OF HERITAGE CHARGE AND WARRANT OF ATTACHMENT FEE

Particulars	Period	RM	Cent
Amount of Arrears			
Warrant of Attachment Fee			
Total			

Dated .....

.....
Licencing Officer
Hang Tuah Jaya Council

P.N.M.B.

FIFTH SCHEDULE

WARRANT OF ATTACHMENT FEE

[By-Laws 36(3)]

(1) Amount of Arrears	(2) Warrant of Attachment Fee
RM1,000.00 and below	20.00
Exceeds RM1,000.00 but not above RM2,000.00	40.00
Exceeds RM2,000.00 but not above RM3,000.00	60.00
Exceeds RM3,000.00 but not above RM4,000.00	80.00
Exceeds RM4,000.00 but not above RM5,000.00	100.00
Thereafter for every RM1,000.00 or part thereof	20.00

SIXTH SCHEDULE

FORM B

NOTICE OF INVENTORY

[By-Laws 37(1)]

Serial No.: .....

To

.....

at .....

.....

Take notice that I have this day attached the movable property specified in the undermentioned inventory for the sum of RM..... (Ringgit Malaysia :.....) being arrears of heritage charge and warrant of attachment fee recoverable under these By-Laws.

Failure to pay the amount due within 7 days from the date of this notice, the Council may sell the movable property by way of public auction.

INVENTORY

No.	Description of Property	No. of Articles/Units

P N M B

DETAILS OF ARREARS OF HERITAGE CHARGE AND WARRANT OF ATTACHMENT FEE

Details	RM	Cent
Amount of Arrears		
Warrant of Attachment Fee		
Other Costs		
Total		

Dated .....

Authorised officer

.....

Signature of Licencee : .....
Name : .....
NRIC No. : .....
Designation : .....

Made by the Hang Tuah Jaya Municipal Council in the meeting on 11 January 2011 [MPHTJ/BPU/02/0002/0017; PUNM. 700-02/6 Jilid 5]

SAPIAH BINTI HAJI HARON
President
Malacca Historic City Council

Confirmed by the State Authority in the meeting on 17 August 2011 [MMKN. 25/2011]

MARIAM BINTI ILIAS
Secretary
State Executive Council
Malacca

Hakcipta Pencetak (H)
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA